



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA DENGAN ENCIK MOHD BIN TAHA MENGENAI
“WARISAN SANGKAR BURUNG: KISAH, SENI DAN KEMAHIRAN PEMBUAT
TRADISIONAL”**

BATRISYIA BINTI AZMAN

(2024217436)

NUR FARHANA BINTI SHARIFUDIN

(2024263952)

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI SAINS MAKLUMAT
KAMPUS PUNCAK PERDANA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR621-ORAL HISTORY & DOCUMENTATION OF CULTURAL HERITAGE
SEMESTER OCT - FEB 2026**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA DENGAN ENCIK MOHD BIN TAHA MENGENAI
“WARISAN SANGKAR BURUNG: KISAH, SENI DAN KEMAHIRAN PEMBUAT
TRADISIONAL”**

**BATRISYIA BINTI AZMAN
(2024217436)**

**NUR FARHANA BINTI SHARIFUDIN
(2024263952)**

**IMR621-ORAL HISTORY & DOCUMENTATION OF CULTURAL HERITAGE
SEMESTER MAC-OGOS 2026**

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK.....	4
PENGHARGAAN.....	6
SINGKATAN NAMA/ AKRONIM.....	8
BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA.....	10
BIODATA PENEMUBUAL KEDUA.....	11
1.0 PENGENALAN.....	15
1.2 Latar belakang Kajian.....	16
1.3 Permasalahan Kajian.....	17
1.4 Objektif Kajian.....	17
1.5 Persoalan Kajian.....	17
1.6 Kepentingan dan sumbangan kajian.....	18
2.0 TINJAUAN LITERATUR.....	20
3.0 METODOLOGI.....	23
4.0 TRANSKRIP TEMUBUAL.....	25
5.0 DAPATAN KAJIAN.....	43
6.0 RALAT.....	45
7.0 LOG TEMUBUAL.....	47
8.0 INDEKS.....	54
9.0 RUJUKAN.....	57
10.0 Lampiran.....	59

ABSTRAK

ABSTRAK

Sejarah lisan merupakan satu proses yang melibatkan seseorang itu menceritakan peristiwa yang telah berlaku kepada dirinya dengan mengumpul maklumat yang diperkatakan peristiwa yang telah lepas dan dirujuk daripada pengalaman yang telah berlaku. Sumber sejarah lisan ini mempunyai faktanya tersendiri iaitu menjelaskan peristiwa yang telah berlaku terdahulu. Hasil daripada rakaman perbualan suara yang dibuat melalui temu bual yang telah dijalankan pada 23 November 2025 di Kampung Kurnia, Johor Bahru bersama Encik Mohd Bin Taha yang merupakan pengusaha sangkar burung tradisional selama 50 tahun. Hasil kajian mendapati bahawa pembuatan sangkar burung tradisional mempunyai nilai dan simbol yang estetik kerana pemilihan bahan dan teknik anyaman dalam proses pembuatan sangkar burung ini. Selain itu, Encik Mohd mengkongsikan pengalaman beliau sepanjang menjadi pengusaha sangkar burung tradisional, mengkongsikan bahan yang digunakan seperti pelbagai jenis rotan, kawat, tembaga, keluli, dan kayu jati. Terdapat juga perubahan yang berlaku seperti peningkatan harga bahan mentah yang memberikan kesan terhadap kos penghasilan dan harga jualannya. Kajian ini dapat disimpulkan bahawa kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan seni kraf tradisional amatlah penting supaya dapat memberikan generasi muda untuk meneruskannya sebagai warisan budaya yang bernilai.

Kata kunci: Sangkar burung, Sejarah lisan, Tradisional

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Pertama sekali, syukur kehadiran ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kami berdua dapat menyiapkan tugas yang telah diberikan ini dengan jayanya. Sepanjang tempoh pelaksanaan tugas ini, pelbagai cabaran dan pengalaman yang telah ditempuh serta memberi banyak pengajaran dan pengetahuan baru kepada kami.

Seterusnya, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Mohd Bin Taha atas segala kerjasama dan bantuan yang telah diberikan oleh beliau untuk kami melengkapkan tugas ini mengikut kriteria yang ditetapkan. Encik Mohd Bin Taha merupakan pengusaha dan pemilik sangkar burung tradisional di Johor Bahru. Segala komitmen yang diberikan oleh beliau amatlah kami hargai dan berharap agar beliau dapat meneruskan legasi pembuatan sangkar burung tradisional sehingga ke peringkat seterusnya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah kami iaitu Puan Hanis Diyana Binti Kamarudin atas bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang pembelajaran kursus ini. Ilmu pengetahuan yang diberikan telah banyak membantu kami berdua dalam memahami setiap isi kandungan dengan lebih teliti serta meningkatkan kefahaman. Semoga segala ilmu yang diberikan dapat digunakan dengan bermanfaat.

Akhir sekali, penghargaan diberikan buat kami berdua atas komitmen, usaha dan kerjasama dalam melengkapkan tugas ini dengan sebaiknya. Segala cabaran yang telah dihadapi telah ditempuh sebaik-baiknya. Tidak lupa juga untuk berterima kasih kepada ibu bapa atas doa dan sokongan yang diberikan untuk kami menjayakan tugas ini sehingga akhir. Segala bantuan dan dorongan yang diberikan oleh mereka amatlah dihargai. Semoga kajian ini memberikan manfaat yang sewajarnya kepada semua pihak di masa akan datang.

SINGKATAN DAN ABBREVIASI

SINGKATAN NAMA/ AKRONIM

UiTM Universiti Teknologi Mara

MT Mohd Taha

BA Batrisyia Azman

NF Nur Farhana

KL Kuala Lumpur

BIODATA PENEMUBUAL


BIODATA PENEMUBUAL

BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA



NAMA	Batrisyia Binti Azman
NO PELAJAR	2024217436
ALAMAT	Shah Alam, Selangor
EMEL PELEJAR	2024217436@ student.uitm.edu.my
PROGRAM	Pengurusan Record (CDIM261)

BIODATA PENEMUBUAL KEDUA



NAMA	Nur Farhana Binti Sharifudin
NO PELAJAR	2024263952
ALAMAT	30 Jalan Jasa 47, Taman Mutiara Rini, Johor Bahru, Johor
EMEL PELEJAR	2024263952@student.uitm.edu.my
PROGRAM	Pengurusan Rekod (CDIM261)

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA	Encik Mohd Bin Taha
GELARAN NAMA	Pak Hassan
UMUR	74 Tahun
TARIKH LAHIR	28 Mac 1951
TEMPAT LAHIR	Hospital
STATUS	Berkahwin
NAMA ISTERI	Miseaton Binti Sakeh
BILANGAN ANAK	6 orang
TAHUN MULA BEKERJA	1976
PEKERJAAN	Pengusaha sangkar burung tradisional dan pemandu bas sekolah

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sejarah lisan merupakan salah satu sumber penting dalam mencatat dan memahami perjalanan sejarah serta kehidupan masyarakat di Malaysia, terutamanya dalam tempoh awal sebelum dokumentasi bertulis diperkenalkan secara meluas. Melalui penceritaan lisan yang diwariskan dari satu generasi ke generasi seterusnya, pelbagai maklumat tentang asal-usul komuniti, pengalaman hidup, adat resam dan nilai budaya dapat dipelihara. Menurut Mohamed Ali Haniffa et al. (2024), mereka menjelaskan bahawa tradisi keterangan lisan dan tekniknya masih dianggap baharu di Malaysia. Walau bagaimanapun, kemajuan terkini telah memperkenalkan penggunaan keterangan lisan sebagai salah satu kaedah penyelidikan. Dalam masyarakat tradisional, sejarah lisan berguna sebagai saluran utama untuk menyampaikan pengetahuan dan kebijaksanaan tempatan yang menghasilkan identiti sebuah kelompok masyarakat.

Selain itu, perkembangan seni tradisional Malaysia juga berkait rapat dengan sejarah lisan kerana kepelbagaian budaya yang ada di negara Malaysia. Seni tradisional bukan sahaja hasil kreativiti, malah ia juga mencerminkan kehidupan, cara berfikir dan kepercayaan masyarakat setempat. Menurut Mahani Musa (2018), kepelbagaian budaya dan tradisi di Asia Tenggara sangat besar dan akan hilang tanpa dokumentasi disebabkan arus pembedaran dan pemodenan yang semakin pesat. Jadi, dengan percubaan untuk merakam dan mencatat adat resam, tradisi, kepercayaan dan sebagainya dapat dilakukan melalui tradisi lisan ini. Oleh itu, kemahiran dalam seni seperti anyaman, ukiran, muzik dan kraftangan tradisional boleh dipelajari dan diwariskan melalui cerita, nasihat dan pengalaman yang disampaikan secara lisan. Tambahan pula, sejarah lisan juga membantu menghubungkan pengetahuan teknikal dengan prinsip budaya yang terkandung dalam karya seni.

Di samping itu, seni pembuatan sangkar burung tradisional ini berasal dari kemahiran tangan dan pengetahuan turun-temurun. Selain aspek teknikal seperti pemilihan bahan dan teknik anyaman, proses pembuatan sangkar burung ini melibatkan nilai estetik, simbolik dan prinsip masyarakat. Disebabkan oleh fakta bahawa kayu jenis nyatoh, meranti dan jelutung mudah dilentur, ringan dan tahan lama. Kayu ini terkenal di Malaysia untuk digunakan dalam pembuatan sangkar burung. Selain itu, bahagian badan sangkar terdiri daripada bilah kayu yang disusun dengan jarak yang rapat supaya burung boleh menggenggam atau mencakuk

sangkar untuk berkomunikasi dengan burung lain (Kraftangan Malaysia, 2013). Oleh itu, pengetahuan yang disampaikan ini melalui sejarah lisan, sama ada dalam bentuk tunjuk ajar, cerita pengalaman atau nasihat daripada para penerus lama kepada generasi muda.

Kesimpulannya, sejarah lisan memainkan peranan besar dalam memastikan seni tradisional, termasuk seni pembuatan sangkar burung tradisional, kekal hidup dan tidak dilupakan. Dengan menghargai sejarah lisan, warisan seni ini boleh dipelihara sebagai khazanah budaya negara. Justeru, ini dapat memperkukuhkan jati diri masyarakat Malaysia jika berhadapan dengan perubahan zaman dan arus pemodenan yang semakin canggih.

1.2 Latar belakang Kajian

Zaman pembuatan sangkar burung tradisional yang telah ditinggalkan beribu-ribu tahun dahulu, masih mampu diperlihatkan sehingga kini kerana pembuatannya merupakan salah satu warisan seni pertukangan yang mencerminkan kemahiran dan kesenian masyarakat Melayu dahulu kala (Ismail Said & Ahmad Saifuddin Abdullah, 2001). Pembuatan sangkar burung bukan sahaja berfungsi sebagai keperluan untuk memelihara burung peliharaan, akan tetapi terdapat juga nilai estetika, simbolik dan budaya yang tinggi. Pada era zaman dahulu, sangkar burung dihasilkan menggunakan bahan semula jadi yang didapati serta dihiasi dengan pelbagai bentuk ukiran halus yang melambangkan keindahan seni warisan Melayu.

Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mendokumentasikan proses pembuatan sangkar burung tradisional, menilai setiap keunikan reka bentuk warisan melayu serta teknik pembuatannya dan mengenal pasti usaha yang boleh dilakukan bagi memelihara serta mempromosikannya agar terus menjadi relevan pada masa yang akan datang. Oleh itu, tempat yang telah diterokai untuk dijadikan rujukan dan penyelidikan dalam pembuatan sangkar burung tradisional di Johor Bahru.

1.3 Permasalahan Kajian

Terdapat tiga permasalahan kajian pertama yang diperolehi, antaranya ialah masyarakat masa kini semakin dilupakan setiap warisan seni pertukaran melayu tradisional dalam pembuatan sangkar burung. Seni ini telah lama diwujudkan dan menjadi sebahagian daripada identiti budaya masyarakat dahulu, namun disebabkan oleh peredaran masa dan kurang minat dalam ilmu kesenian, kemahiran tersebut telah semakin pupus dan berkurangan. Generasi pada masa kini tidak mengenali kepentingan nilai-nilai sejarah dan seni warisan di dalam pembuatan sangkar burung tradisional. Menurut Jabatan Warisan Negara (2021), statistik pada tahun 2021 telah menunjukkan bahawa hanya 14% jumlah tukang pembuatan sangkar tradisional masih aktif menjalankan aktiviti ini, berbanding pada tahun 2010 sebanyak 44%. Penurunan ini turut disumbangkan oleh faktor pemodenan, pemindahan ke bandar, dan perubahan minat terhadap pekerjaan yang lebih moden pada masa kini.

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti pengalaman bagi pengusaha dalam bidang pembuatan sangkar burung tradisional.
- ii. Mengenal pasti setiap cabaran dan masalah yang dihadapi oleh pengusaha dalam menghasilkan perniagaan sangkar burung tradisional.
- iii. Memahami aspek kepentingan dan potensi seni pembuatan sangkar burung sebagai warisan budaya tempatan.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah pengalaman yang diperolehi oleh pengusaha untuk menghasilkan sangkar burung tradisional?
- ii. Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh penghasilan sangkar burung tradisional?
- iii. Apakah kepentingan dan potensi kepada pengusaha terhadap seni pembuatan sangkar burung tradisional?

1.6 Kepentingan dan sumbangan kajian

Berdasarkan penyelidikan mengenai pembuatan sangkar burung tradisional, kajian ini mempunyai kepentingan yang besar dalam usaha memelihara dan mendokumentasikan warisan budaya bangsa. Seni pembuatan sangkar burung bukan sahaja memperlihatkan kemahiran tangan yang halus, tetapi juga mencerminkan nilai estetika, kreativiti, serta identiti budaya masyarakat tempatan. Kajian ini penting kerana ia membantu memastikan pengetahuan dan teknik pertukangan tradisional tidak hilang ditelan arus pemodenan. Kajian ini juga turut menonjolkan keunikan bahan dan teknologi tempatan yang digunakan, seperti jenis kayu, teknik sambungan, serta corak ukiran yang menjadi ciri khas seni tradisional Melayu.

Selain itu, dari segi ekonomi, pembuatan sangkar burung tradisional juga memberikan sumbangan kepada komuniti setempat, khususnya kepada tukang-tukang yang menjadikannya sebagai sumber rezeki. Dengan mendokumentasikan dan mengkaji aspek pembuatan ini, peluang untuk mengembangkan industri kraftangan serta kesenian warisan melayu dapat ditingkatkan dengan lebih meluas. Kajian ini juga telah memberi tambahan ilmu yang baharu dalam bidang akademik dan penyelidikan, kerana hasilnya boleh dijadikan rujukan untuk pelajar dan penyelidik dalam bidang seni, budaya, serta reka bentuk tradisional. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pemeliharaan warisan seni budaya, memperkukuh jati diri bangsa, serta membuka ruang kepada generasi muda untuk menghargai dan meneruskan tradisi seni pertukangan di masa akan datang.

TINJAUAN LITERATUR

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Kajian-kajian dahulu telah menunjukkan bahawa sejarah lisan dan seni tradisional di Malaysia seperti seni ukiran dan pembuatan sangkar burung terkandung di dalam elemen yang penting untuk mengekalkan identiti budaya masyarakat orang Melayu. Menurut pandangan Nor Azlin Hamidon & Zuraini Md Ali. (2020), mereka menyatakan bahawa dalam seni buatan Malaysia, "seni tradisional" merujuk daripada hasil karya manusia yang dibuat secara manual atau menggunakan teknik warisan yang berasaskan kemahiran, pengetahuan dan nilai budaya yang telah diwarisi sejak turun-temurun. Seni tradisional yang dimaksudkan juga merangkumi pelbagai bentuk antaranya, kraf tangan dan seni ukiran kayu yang bukan sahaja mengutamakan estetika dan fungsinya malah menitikberatkan setiap makna yang simbolik dan identiti masyarakat Melayu.

Menurut kajian daripada Izani Mat II, M. Hum., & Abdul Rahman, M. B. (2022), pembuatan sangkar burung tradisional adalah salah satu jenis kraf tradisional yang menunjukkan interaksi nilai estetika budaya. Pembuatan ini telah menjadi kebiasaan bagi pengusaha sangkar burung tradisional untuk menghasilkannya secara manual. Ini kerana, mereka telah mempelajari setiap teknik warisan daripada generasi dahulu. Setiap alatan dan bahan yang digunakan seperti kayu cengal, buluh dan rotan bukan sekadar memnunjukkan ketahanan sesuatu kraf yang dihasilkan, tetapi turut mencerminkan nilai estetika dan identiti budaya masyarakat yang menghasilkannya. Setiap bahan yang dipilih mudah diperolehi di persekitaran serta sesuai untuk digunakan oleh pengusaha pembuatan sangkar burung tradisional.

Seterusnya, amalan dalam memelihara burung dan penggunaan sangkar tradisional telah disatukan dengan aktiviti sosial dan budaya masyarakat di Malaysia. Antaranya seperti pertandingan suara burung yang sering berlaku di kawasan luar bandar. Menurut kajian Kamaruddin (2020), beliau mengatakan bahawa negeri seperti Kelantan dan Perak sering menunjukkan seni kraf tradisional berfungsi dalam bentuk medium untuk mengukuhkan serta mengekalkan warisan budaya sekaligus dapat memberi peluang kepada penduduk tersebut untuk dijadikan sebagai sumber ekonomi komuniti setempat. Oleh itu, ini dilihatkan bahawa di Malaysia, pembuatan sangkar burung tradisional merupakan satu bentuk warisan menggabungkan kemahiran, nilai kesenian dan peranan dalam setiap masyarakat.

Secara keseluruhannya, pembuatan sangkar burung tradisional di Malaysia bukan sahaja dikenali sebagai aktiviti pertukangan yang biasa, akan tetapi sangkar burung tradisional ini mencerminkan identiti budaya, kreativiti seorang petukang dan kesinambungan dalam meneruskan warisan budaya tempatan.

METODOLOGI

3.0 METODOLOGI

i. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berbentuk kajian lapangan. Pendekatan kualitatif dipilih untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang proses pembuatan sangkar burung tradisional melalui beberapa cara iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis terhadap pengusaha sangkar burung tersebut. Kaedah ini membolehkan penyelidik lebih memahami setiap nilai seni, teknik tradisional serta pengalaman dan cabaran yang dihadapi.

ii. Lokasi Kajian

Lokasi kajian dijalankan di kawasan yang masih aktif dalam pembuatan menghasilkan sangkar tradisional iaitu di Johor Bharu. Kawasan ini telah menjadi pilihan utama kerana masih terdapat pengusaha yang mengekalkan penghasilan pembuatan sangkar burung secara tradisional.

iii. Kaedah Analisis Data

Setiap temu bual dan pemerhatian akan ditranskripsikan sepenuhnya sebelum penyelidik membaca semula transkrip untuk memahami konteks. Kajian yang telah dikenal pasti akan dianalisis untuk menjelaskan pengalaman, pandangan, pemerhatian serta isu yang dikemukakan oleh peserta. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini juga dapat membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dengan objektif kajian.

iv. Lawatan Perpustakaan dan Bahan Rujukan

Selain kaedah temu bual dan pemerhatian lapangan kajian, lawatan ke beberapa perpustakaan turut dijalankan bagi mendapatkan bahan rujukan tambahan berkaitan seni kraf dan pembuatan sangkar burung tradisional. Antara perpustakaan yang dilawati ialah Perpustakaan Raja Tun Uda (PPAS) dan Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Puncak Perdana. Kedua perpustakaan mempunyai koleksi buku yang berkaitan tentang seni kraf tangan.

v. Sumber Rujukan daripada Artikel

Kajian yang dijalankan iaitu pembuatan sangkar burung tradisional telah menggunakan rujukan daripada artikel akademik yang berautoriti dan relevan serta diterbitkan dalam jurnal antarabangsa. Setiap artikel yang dipilih berdasarkan kualiti dan kesesuaian dengan objektif kajian untuk mengenal pasti setiap permasalahan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

TRANSKRIP TEMUBUAL

4.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai kisah, seni dan kemahiran membuat sangkar burung tradisional daripada seorang pembuat sangkar burung tradisional di Johor Bahru. Bersama-sama kita adalah Encik Mohd Bin Taha yang merupakan seorang pengusaha dan pembuat sangkar burung tradisional. Rakaman ini dijalankan pada 23 November 2025 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 12 tengah hari bertempat di kediaman beliau di Kampung Kurnia. Temubual ini dikendalikan oleh Batrisyia Binti Azman dan Nur Farhana Binti Sharifudin. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NF: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya Nur Farhana binti Sharifudin daripada UiTM Puncak Perdana, di bawah fakulti Sains Maklumat, pengurusan rekod. Saya hari ini ingin menemubual seorang pengusaha yang membuat pembuatan sangkar burung tradisional.

NF: Jadi soalan yang pertama, bolehkah encik ceritakan tentang latar belakang diri encik?

MT: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Nama saya Mohd bin Taha. Orang panggil kat sini Pak Hassan. Pembuat sangkar burung daripada tahun tujuh puluh, tujuh puluh enam, tujuh puluh enam sampailah sekarang. Sekarang ini saya berumur tujuh puluh empat tahun. Saya duduk di Kampung Kurnia, Kebun Teh, nombor tiga puluh empat Jalan Kurniawati, Kampung Kurnia.

NF: Jadi, Encik Mohd Taha dikenali sebagai Hassan disini.

MT: Iya, Pak Hassan.

NF: Okay. Soalan seterusnya, dah [Sudah] berapa tahun, Encik Mohd Taha menjalankan pembuatan sangkar burung tradisional ini?

MT: Daripada tahun tujuh puluh, tujuh puluh enam, sampailah [sehingga] sekarang [kini].

NF: Hm (sambil menganggukkan kepala). Jadi saya nak [hendak] tanya, dari mana datangnya minat Encik Mohd Taha untuk mula membuat sangkar burung ini?

MT: Dia [Encik Mohd] minat memang dah [sudah] ada. Dia [Encik Mohd] punya ada, ada seni lah [gelak]. Kita tekun, rajin, usaha. Boleh lah.

NF: Oh.

MT: Tak ada [tidak ada], tak [tidak] rajin. Kalau rajin, tu [itu] pun kalau awak tak [tidak] tekun pun dia tak [tidak] anu [boleh] tak [tidak] pun, dia tak [tidak], tak [tidak], tak [tidak] jadi. Ha, tak [tidak] jadi kalau tu [itu] semua.

NF: Maksudnya bukan daripada ada asal latar belakang macam ada warisan ke?

MT: Tak ada [Tidak ada], tak ada [tidak ada], tak ada [tidak ada], tak ada [tidak ada], tak ada [tidak ada], tak ada [tidak ada]. Memang tak ada [tidak ada] warisan, semua sendiri minat. Ha..ini minat sampailah anu [boleh] daripada mula sikit-sikit kita [Encik Mohd] buat sampai lah [sehingga] sekarang ini. Memang orang dalam Johor ini sampai Penang [Pulau Pinang], Perak, apa Kelantan semua cari benda alah [mencari sangkar burung] ni [ini] masa covid (bunyi pergerakan kerusi). Buat *live* [siaran langsung] dulu, anak. Buat *live* [siaran langsung] buat kat sini [di rumah] daripada situ lah tapi [tetapi] memang dah [sudah] berapa puluh tahun lah sini buat benda alah ni [membuat sangkar burung] bayangkan daripada tahun–, tarikh bapak [bapa] awak berapa?

NF: 1976.

MT: Sampailah [sehingga] ni [ini]. Ini pun orang tanya lagi, “Pak Hassan buat lagi ke Pak Hassan?”. Selagi *Allah Ta’ala* bagi kita kekuatan, kesihatan, dipinjamkan semua, habis tu [itu] kita buat lah. Buat apa kita duduk-duduk je [sahaja].

NF: Betul (sambil menganggukkan kepala).

NF: Soalan seterusnya, bahan apa yang digunakan untuk hasilkan sangkar burung ini?

MT: Rotan, rotan kasar, rotan anyam, kawat, kadang ada tembaga pakai daripada ada *steel* [keluli] nak [hendak] buat sangkar burung. Lepastu [Selepas itu] kita dah [sudah] ukur dia semua, dah [sudah] lepastu [selepas itu] kita buat rangka dulu baru kita anyam.

NF: (Menganggukkan kepala). Ada, ada *specific* [tertentu] jenis kayu yang digunakan tak [tidak]?

MT: Ada (sambil menganggukkan kepala). Bawah ini kaki [tapak permukaan bawah sangkar burung] dia [sangkar burung] ni [ini] kayu jati (bunyi suara dan bunyi barang terjatuh) yang atas ni [ini] kayu jati biasa lah [kebiasaannya] kayu jati boleh, kayu biasa boleh. Yang macam itu anyam biasa boleh [Encik Mohd tunjuk sangkar burung].

NF: (Menganggukkan kepala). Adakah kemahiran Encik Mohd Taha ini dipelajari daripada keluarga atau pun memang pengalaman sendiri?

MT: Memang pengalaman sendiri.

NF: Memang tak [tidak] – oh

MT: Memang keluarga tak ada [tidak ada]. Atuk [Datuk] nenek saya tak [tidak] buat ini semua.

NF: Memang minat la?

MT: Minat lah, memang minat, memang daripada mula-mula dulu [dahulu] minat anu [laut], ke laut dulu [dahulu], saya ke laut dulu [dahulu] lepas itu [selepas itu] minat buat-buat sauk udang, lepas itu [selepas itu], lepas itu [selepas itu] minat pulak buat “ini lagi baik cakap, itu lagi susah, ini lagi senang”. Buat ini [sambil menunjukkan sangkar burung], buat sangkar, sangkar burung, ini sangkar pikat, buat sangkar layang, buat racik, buat lekang racik, semua ada. Macam ini [sambil menunjukkan lekang], lekang, racik kan, kita [Encik Mohd] buat racik. Ini lekang dia [menunjukkan lekang].

NF: Faham (angguk). Soalan seterusnya, adakah Encik Mohd Taha pernah menghasilkan rekaan yang unik ataupun khas ikut [mengikut] permintaan pelanggan?

MT: Ya ada. Kadang-kadang pelanggan ada yang minta macam ini, macam ini. Kita [Encik Mohd] buat lah macam itu. Kalau biasa kita buat sendiri, kita buat apa-. Nanti dia tengok dia berkenan, dia amik [ambil]. Tak ada [Tidak ada], tak ada [tidak ada] lah. Kalau dia [pelanggan] tak nak [tidak mahu] yang macam ini, dia [pelanggan] nak [hendak] buat fesyen-fesyen gini [seperti ini] [jenis-jenis bentuk sangkar burung]. Jadi kita buat ikut lagu [permintaan] dia [pelanggan] lah. Ikut ukuran dia [pelanggan], yang dia [pelanggan] hendak tu [itu].

NF: Biasa [Kebiasaannya] jenis sangkar yang paling banyak orang, kira mendapat permintaan yang tinggi, jenis yang macam mana?

MT: Yang ini [menunjukkan rekaan sangkar burung].

NF: Oh yang tengah itu [menunjukkan rekaan sangkar burung].

MT: Cuba tengok [lihat], banyak. Yang ini sambilan lah, kita [Encik Mohd] buat sambilan, buat-buat nanti dia [pelanggan] buat macam ini, ini nanti-. Tengok lah kalau orang datang berkenan, ambik [ambil] [membeli sangkar burung].

NF: Biasa, untuk nak [hendak] hasilkan satu sangkar itu ambil masa berapa lama?

MT: Sangkar macam ini, satu hari boleh. Betul-betul tekun, buat dua. Dapat dua satu hari. Sambil lah, sambil boleh buat dua. Kalau betul-betul tekun betul boleh dapat lebih lah. Pasal [kerana] kita buat sambilan.

NF: Selain daripada promosi di antara kalangan-kalangan rakan, ataupun, peminat-peminat burung, adakah pernah dipamerkan ataupun pernah di- macam pernah dijemput untuk masuk ke mana-mana tempat atau organisasi ke?

MT: Tak ada [Tidak ada], tak ada [tidak ada. Ini semua kita [Encik Mohd] buat sendiri lah. Buat ini semua tak ada [tidak ada] macam pameran-pameran, tak ada [tidak ada]. Jadi untuk, kata orang pasal [tentang] pameran, kita [Encik Mohd] tak nak [tidak mahu], nanti kita [Encik Mohd] yang susah, nanti bila orang cari, kita buat sorang [seorang] tak ada [tidak ada] orang tolong. Kalau ada orang tolong, kita boleh cepat sikit. Tapi dulu[dahulu] kat sini [di sini] ada orang tolong, maklang [anak kepada Encik Mohd].

NF: (Menganggukkan kepala).

MT: Dia tolong anyam apa semua.

NF: Anak kepada Encik Mohd Taha ya?

MT: Ha [menunjukkan betul]. Kita kasi [beri] ajar orang itu, macam ini [menunjukkan sangkar burung], dia anyam lah, dia tolong, maklang lah [anak kepada Encik Mohd].

NF: Kiranya pernah lah ada macam organisasi kraf tangan yang menjemput atuk [datuk], mengajak untuk pameran?

MT: Ada, dia [pihak pameran] pinjam lah. Dia [pihak pameran] amik [ambil] kita punya, dia [pihak pameran] buat anu [mempamerkan sangkar burung] lah, dia buat pertunjukkan antara dia [pihak pameran] lah. Dia cakap ini ini, harga ini ini. Nanti dia anu [jual] lah nak jual berapa tu dia punya pasal [tentu] lah.

NF: Faham

MT: Jadi, yang sekarang ini pulak [pula], kraftangan Johor, yang panggil kita [Encik Mohd], dia [pihak kraftangan Johor] suruh *register* [mendaftar] nama kat [di] sana, dia [pihak kraftangan] kata nanti apa-apa hal [jika ada apa-apa urusan] dia bayar lah. Kita [Encik Mohd] cakap tak [tidak] boleh lah, kita cakap terus terang lah. Tak [tidak] boleh macam mana, tak [tidak] boleh. Kerja kita banyak, macam-macam. Jadi tak [tidak] boleh hendak kan permintaan dia [mengikut permintaan pihak kraftangan]. Sedangkan tak [tidak] ada *register* [mendaftar] kraftangan pun kita dah [sudah] selalu ada macam ni [ini], tidak Pak Hassan, atuk [datuk] nak [hendak] pergi ke Pekan Nenas anto

[menghantar] kan ini [sangkar burung] ini hari dengar kan awak nak datang, nanti lah dulu [dhulu] besok [esok], besok [esok] nak [hendak] pergi Pekan Nenas, bawak [bawa] lah sekali. Dia [pembeli] nak [hendak] dua belas biji.

NF: Kiranya pergi ke pekan nenas tu untuk ada orang nak lah?

MT: *Supply, supply* [bekalan, bekalan]. Kita *supply* [bekalan] dia. Kadang-kadang kita dah [sudah] buat buat macam ini, dia *supply* [bekalan] macam ini pulak, kita bawak [bawa]. Boleh lah, dia angkat [ambil] lah. Dia jual berapa dia punya pasal [tentu] lah.

NF: Ikut kepada tuan punya kedai lah?

MT: Macam kita jual gini-gini [seperti ini] dia nak [hendak] jual berapa, dia punya pasal [tentu].

BA: *Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum* nama saya Batrisyia Binti Azman. Saya juga sama seperti Nur Farhana daripada UiT–UiTM Puncak Perdana, Fakulti pengurusan maklumat [Fakulti Pengurusan Sains Maklumat] di bawah sains pengurusan, pengurusan rekod.

BA: Jadi untuk soalan seterusnya daripada saya iaitu, saya ingin bertanya lah dekat Encik Mohd, adakah bahan mentah tadi seperti jenis kayu yang Encik Mohd dah sebut tadi dekat [pada] kami, susah untuk didapatkan pada masa kini?

MT: Buat masa kini memang kayu jati ni [ini] susah. Tapi [tetapi], zaman-zaman saya mula-mula buat, senang barang tu [itu] banyak (bunyi barang terjatuh). Buat masa sekarang ni [ini] memang, memang susah. Saya dapat mana katil, katil orang lama, lama punya katil. Itu kayu jati, gerobok-gerobok [almari] lama. Itu kayu jati semua. Itu je [sahaja] lah. Kalau nak [hendak] beli ada tapi [tetapi] harga dia lebih mahal. Harga kayu jati mahal (bunyi kanak-kanak bermain). Kat [Di] sini tak [tidak] banyak lah kat [di] Indon [Indonesia] je [sahaja] banyak. Indon [Indonesia], Thailand sana [di thailand]. Itu banyak.

BA: So [jadi] macam tadi, macam Encik Mohd cakap tadi yang kayu jati tu mahal kan?

MT: Ya.

BA: Agak-agak berapa, berapa harga kayu itu?

MT: Dia kira kaki [ukuran pada kayu] je [sahaja] tu [itu]. Satu kaki, dulu satu kaki je [sahaja] berapa ringgit tebal satu inci. Kurang, kurang dulu [dahulu] je [sahaja] kita beli ber-, dulu tak [tidak] pernah, sekarang kalau beli pun mahu, mahu [sekurang-kurangnya] makan [mengambil] lima, enam puluh [ringgit malaysia] lah satu kaki [ukuran pada kayu]. Dulu [dahulu] tak [tidak] beli, dulu [dahulu] orang buang, buang semua [membuang kayu]. Kita dapat mana- mana tepi jalan gerobok-gerobok [almari] macam ni [ini] haa... gerobok [almari] lama-lama semua. Ambil lah. Dulu tak ada [tidak ada] modal banyak. Sekarang ni [ini] kena modal banyak, sekarang macam rotan ini kan. Okay dulu [dahulu] saya beli satu batang lima puluh sen. Lepastu [Selepas itu] naik lapan puluh sen naik singgit [satu ringgit Malaysia]. Okay sekarang ini, daripada (bunyi suara bayi) sekilo enam ringgit. Sekarang dah [sudah] lima puluh dua ringgit satu kilo.

BA: Memang naik banyak la ya?

MT: Ha [mengangguk], ini anyam [anyaman] sahaja untuk rotan anyam [anyaman] ni [ini] lebih mahal. Ini boleh tahan lah [bunyi suara bayi]. Tapi [Tetapi] benda [kayu jati] tu ada tak apa [tidak apa]. Haa kita senang buat kerja [menganyam sangkar burung]. Benda bahan tu [itu] ada (bunyi suara bayi) papan ada semua apa semua [bahan membuat sangkar burung] ha, (bunyi suara bayi) kita boleh buat.

BA: So [jadi] seterusnya, apakah bahagian yang paling encik rasa sukar dalam proses pembuatan sangkar ini? Yang mana paling rasa macam susah lah?

MT: Pada, pada saya tak [tidak] susah lah. (bunyi bayi ketawa) Benda ini kita dah dah buat rangka buat apa senang je [sahaja] kita anyam. Ini [menunjuk contoh sangkar burung] lagi cepat anyam ini, lagi cepat. Dulu kita buat tegak sahaja, ubah lah sikit. Kita nak-

BA: Style [Bentuk] lain sikit [yang berlainan]?

MT: Bila orang tengok lain, lain benda alah [sangkar burung] ini, lain benda alah [sangkar burung] ini. Jadi macam gini [begini], dulu [dahulu] kita buat ini [menunjuk sangkar]. Mula kita buat poket [ruang simpanan di dalam sangkar burung], lepas tu [selepas itu], buat ini, lepas buat ini, kita buat ini.[menunjuk proses membuat sangkar burung]

BA: Lain pula sikit.

MT: Kembangkan sikit bawah dia [bahagian bawah di sangkar bentuk labu].

BA: Haah [Ya], cantik.

MT: Itu, itu hari dah [sudah] amik [ambil] orang, budak Majidee [penduduk di Majidee] amik [ambil] satu, kawan kita [Encik Mohd] amik [ambil].

NF: Ambik [ambil] tu atuk [datuk] jual lah kat dia?

MT: Ya lah kita jual lah. Macam orang Sabah, Sarawak. Sarawak eh? Yang buat bakul tu?

BA & NF: Oh (bunyi bayi menangis)

MT: Kita [Encik Mohd] minat buat tapi [tetapi] kita tak [tidak] dapat dia punya asas dia.

BA: Yang ini lah lagi cepat? [Menunjuk contoh sangkar burung yang cepat dianyam].

MT: Ini cepat, ini cepat anyam. Pasal [kerana] dia [sangkar burung] kosong tak ada [tidak ada], tak ada [tidak ada] tulang [rangka pada sangkar]. Yang ini cepat [menunjuk sangkar burung]. Memang cepat lah kalau duduk anyam tengok TV [televisyen] boleh siap atas bawah [permukaan bawah dan atas sangkar burung].

BA: Oh sebab kiranya macam kalau yang ini kita kena [perlu] pisahkan. So [Jadi], masukkan dawai buat baru lah bawah ini?

MT: Ha macam ini dawai, bila [apabila] dah [sudah] buat macam gini [seperti ini] kan, anyam ni [ini] senang ni [ini] [anyaman mudah untuk dibuat].

BA: Oh [sambil menganggukkan kepala].

BA: So [jadi], soalan seterusnya apakah teknik (suara bayi) atau kemahiran yang paling penting untuk hasilkan sangkar yang berkualiti?

MT: Kita-[Encik Mohd], sangkar yang berkualiti. Kita punya perbuatan tu [itu] nak [hendak] kena [perlu] kemas. Bila [Apabila] orang boleh buat, tapi [tetapi] tak [tidak] kemas. Bukan saya nak [hendak] cakap [kata] lah, bila [apabila] saya buat macam ini, orang lain pun ada buat tapi [tetapi] tetap [masih] orang cari saya punya. Pasal [Kerana] kualiti nak [hendak] buat dia punya ini [sangkar burung]. Paku sambung, ini sambung, ini sambung rotan, nak [hendak] jaga dia [sangkar burung] punya ini ini semua nak [hendak] jaga ini sambung rotan ni [ini]. Kadang-kadang ada orang sambil lewa janji asal boleh.

BA: Ha [Ya] betul. Dia tak [tidak] ambil berat lah janji siap.

MT: Ha [Ya] tak [tidak] ambil berat. Kita nak [hendak] jaga kualiti, macam kita buat gini [seperti ini], bunga-bunga [ukiran pada sangkar burung] ni [ini], sisik. Ada lebih pandai daripada kita. Budak muda [Remaja] lagi pandai ada tapi [tetapi] tak [tidak] berapa rajin lah, boleh dia buat, macam gini [ini] semua ni [ini] [sangkar burung], anyam, anyam ni [ini]. Buat dia punya bunga atas [ukiran di permukaan sangkar burung] ni [ini] (bunyi suara bayi).

BA: Buat ukiran semua tu [itu] kan?

MT: Ha ukiran dia, nak [hendak] kena [perlu] ketuk apa semua, semua pahat semua buat sendiri banyak. Pisau-pisau dia ada yang beli, ada yang buat sendiri.

BA: Okay, soalan seterusnya, pada pandangan Encik Mohd lah kan, bagaimana perubahan minat masyarakat terhadap sangkar burung tradisional pada masa kini?

MT: Oh laris sahaja. Laris pasal [kerana] banyak orang pergi mikat [menangkap burung] banyak lah pasal [kerana] ni [ini] sekarang, itu hari saya hantar bulan lepas itu hari ada orang dua belas, ha ini bulan ni [ini] hantar lagi dua belas, esok nak [hendak] dua belas lagi nak [hendak] yang jenis macam ini. Bila kita dah [sudah] buat macam ini, kita bawak [bawa] lah macam ni [ini]. Kalau dia [pelanggan] nak [hendak] dia amik, kalau dia [pelanggan] tak [tidak] nak [hendak] takpa [tidak apa]. Macam ini pun, ini banyak.

BA: Memang orang cari lah ya?

MT: Ha [Ya] memang orang cari. Banyak orang KL [Kuala Lumpur] banyak beli. Itu hari atuk [datuk] hantar dekat kedai tulah [itu lah], Pekan Nenas ambil lima puluh.

BA: Memang atuk [datuk] buat lima puluh sendiri? (5.22 minit)

MT: Haah [Ya] buat sendiri memang buat lima puluh. Lima puluh *pieces* (buah). Ni kira satu *pieces* [buah], satu ikat ni sepuluh *pieces* [buah]. Lima puluh atuk [datuk] buat. Satu atuk [datuk] jual dengan dia [pelanggan] dua puluh ringgit, satu. Kalau orang biasa beli satu satu, kita jual tiga puluh. Jadi kalau orang beli banyak borong macam ni [ini] kita jual dua puluh tujuh ringgit, kalau lima puluh *pieces* [buah] awak bayangkan lah. Kira kita adalah duit kocek [duit sampingan].

BA: Betul

MT: Duit kita kerja, kita kerja. Ni [ini] duit kita [Encik Mohd] nak [hendak] senang kata orang, nak [hendak] mewah. Kaya tidak lah kata orang.

BA: Yang penting ada lah.

MT: Yang penting ada semua macam ini. Macam gini [ini] ha. Ini, ini [sambil menunjuk racik burung]. Okay [Baiklah] macam ini satu kita jual biasa, biasa [kebiasaannya] sepuluh ringgit. Di kedai tu [itu] ambil kita [Encik Mohd] jual lapan ringgit. Itu kedai punya pasal lah [tentu lah]. Dia [Penjual] nak jual berapa, dia [penjual] punya pasal lah [tentu

lah]. Tapi [Tetapi] kadang-kadang benda alah [racik burung] macam ini, kalau awak buat *live* [siaran langsung,] kedai buat *live* [siaran langsung] nanti marah pulak [pula] orang.

BA: Ya lah.

MT: Pasal [Kerana] apa, benda alah ni [ini] [menunjuk racik burung]. Bukan mudah tau kita– [Encik Mohd].

BA: Betul satu-satu kita nak [hendak] kena ini kan [setiap satu perlu dibuat dengan teliti].

MT: Ha [Ya] satu, satu nak [hendak] kena buat macam ini. Untuk burung ini juga, untuk racik dia. Untuk kawasan ini lah kira orang mikat [menangkap burung] macam ini lah. Ini ayam, ini burung [menunjuk mikat mengikut jenis haiwan]. Ada burung wak-wak, awak tahu burung wak-wak?

BA: Tak [Tidak].

MT: Burung ayam-ayam, awak ada makan (gelak) burung kan–.

BA: Burung, burung puyuh saya makan.

MT: Ha [Ya] itu lah lebih macam itu je [sahaja]. Lebih kurang aje [sahaja].

BA: Okay [Baiklah], soalan seterusnya. Pada pandangan encik apakah kepentingan seni pembuatan sangkar burung tradisional?

MT: Apa seni dia, macam mana?

BA: Kepentingan.

MT: Yang penting itu lah. Yang mustahak kita–, kualiti kita lah. Kita buat sangkar ni [ini] semua kualiti [semua sangkar dibuat dengan penuh berkualiti]. Orang tengok, okay [baik], dia [pelanggan] kadang ada jenis orang, dia bezakan. Dia [pelanggan] bezakan macam awak buat ini, orang ini buat ini [membezakan setiap kualiti sangkar burung

dengan pengusaha sangkar burung yang lain]. Dia [pelanggan] beli jugak [juga] lah, dia [pelanggan] beli.

BA: Kira dia [pelanggan] buat perbandingan lah, bila beli dekat [di] sini [membeli sangkar burung daripada Encik Mohd] macam mana? Beli kat tempat lain macam mana kan?

MT: Ha [sambil menganggukkan kepala].

BA: Kualiti itu lain-lain.

MT: Kualiti tu [itu] kan kata kan macam orang Johor buat macam ini, orang Batu Pahat buat macam ini, orang Muar buat macam ini. Orang melaka katakan—. Orang Kuala Lumpur mana ada buat. Tapi [Tetapi] banyak, kebanyakan benda alah [sangkar burung] ini memang orang Kuala Lumpur, banyak cina kedai tu [itu], orang Kuala Lumpur amik [ambil]. Ambil dekat [di] Pekan Nenas pasal [kerana] dia [pelanggan] *supply* [bekalan sangkar burung] ada je [sahaja]. Dia [Penjual] jual berapa itu, dia [penjual] punya pasal [mengikut kehendak penjual].

BA: Okay [Baik] seterusnya, macam dekat [pada] sangkar burung ini, ada tak [tidak] macam [seperti] makna yang simbolik encik rasa?

MT: Simbolik macam [seperti] mana?

BA: Macam dari segi, macam bentuk ukiran, yang macam ada yang kita boleh nampak.

NF: Macam setiap sangkar burung kan, lain-lain bentuk kan [setiap sangkar burung mempunyai pelbagai jenis dan bentuk]? Ada makna tak [tidak] setiap bentuk itu atau ukiran-ukiran bunga ni, ke atau sekadar kreativiti?

MT: Entahlah [Tidak pasti] nak [hendak] cakap [berkata] macam mana, saya panggil sangkar pikat je [sahaja]. Macam labu [menunjukkan sangkar jenis labu], ini hanya sangkar pikat biasa. Macam yang bulat ni [ini] [sambil menunjuk sangkar burung] labu kita ada buat, macam sangkar pikat biasa macam ada yang dekat atas tu [itu] yang tu

[itu] lain lah. Ni [Ini] sangkar pikat kecek [ruang simpananan pada bahagian sangkar burung], ada kecek macam ini. Itu je [sahaja] lah.

BA: Seterusnya, adakah generasi muda pada zaman kini, encik rasa mereka mengenali atau menghargai tak [menghargai kah] setiap seni pembuatan ini?

MT: Ada, budak-budak muda [remaja] sekarang banyak yang main burung [membela dan menangkap burung], dia anu ah [membela burung].

BA: Dia minat lah?

MT: Dia minat, dia minat. “Nak belajar boleh, Pak Hassan?” “Boleh”, kita [Encik Mohd] cakap. Kalau nak [hendak] belajar kita ajar, kita tunjuk. Kita tak ada [tidak ada] benda [halangan]. Itu rezeki masing-masing, banyak budak–budak [kebanyakkan remaja]. Macam arwah Pak Li Lut, Pakcik Pudin, arwah [kenalan Encik Mohd].

BA: Kenalan encik lah?

MT: Ha [Ya] semua, semua kita ajar tu [itu]. Orang indon [Indonesia] datang sini, nak belajar, kita ajar. Buat ini [sangkar burung].

BA: Memang ajar dari satu-satu cara nak buat dia [sangkar burung].

MT: Ya betul. Kita ajar orang nak [hendak] belajar, kita ajar. Itu rezeki masing masing.

BA: Yela [Betul].

MT: Macam awak nak [hendak] belajar katakan, awak pandai buat. Itu rezeki awak, nak [hendak] jual berapa awak punya pasal [tentul]. Awak tak [tidak] boleh ikut kita [Encik Mohd]. Dia kata kita jual murah, itu awak punya pasal [tentu], kadang memang betul macam atuk [datuk] kat [di] sini katakanlah sepuluh ringgit kita jual eh [ya]. Dia jual lima belas, jual atas tangan lima belas. Kedai amik [ambil] lima belas, dia [penjual] nak [hendak] jual berapa. Tapi [Tetapi] ada juga kedai jual sampai dua puluh lebih.

BA: Bergantung lah ya? Masing-masing [mengikut kehendak penjual]

MT: Kadang-kadang benda tu [itu] dah [sudah] tak ada [tidak ada], awak nak [hendak] pakai, awak beli.

BA: Betul, beli sahaja walaupun harganya mahal.

MT: Itu lah dia, benda [sangkar burung] nak [hendak] mustahak nak [hendak] pakai. Ha macam ini ha orang ambil dengan atuk [datuk] kan, enam puluh, lima puluh. Katakan, dia [penjual] jual 100 lebih, 150 itu dia [penjual] punya pasal lah [tentu], janji atuk [datuk] buat, habis, atuk [datuk] buat lagi. Jadi, atuk [datuk] punya kerja ada je [sahaja].

BA: Sentiasa ada je [sahaja]?

MT: Ya, sentiasa ada. Jadi, tak [tidak] ada [tiada] putus tau. Itu awak nak [hendak] jual berapa awak punya pasal lah [tentu]. Habis tak [tidak] habis dia punya pasal [tentu].

BA: So [Jadi] seterusnya, apakah langkah yang encik rasa perlu di ambil untuk pastikan pembuatan sangkar ini terus kekal sebagai warisan budaya kita?

MT: Memang kesenian ini melayu kita ini, macam-macam seni ada. Jadi tak [tidak] boleh lupakan semua ini, tapi [tetapi] ada yang minat. Yang tak [tidak] minat tu [itu] orang ajar seni macam mana pun, orang tak [tidak] boleh minat. Macam awak katakan lah awak minat, okay [baik] awak datang sini minta tolong atuk [datuk] ajar ini, kita ajar yang minat. Tapi [Tetapi] kadang-kadang kita dah ajar ini, bila dia [orang yang ingin belajar] kata dia lupa lah ini lah, itu dia jenis malas. Itu sahaja.

BA: Seterusnya, bagaimanakah encik rasa macam encik dapat lihat masa depan seni pembuatan sangkar burung tradisional ini dalam lima ke sepuluh tahun akan datang? Macam mana encik rasa?

MT: Ada, budak-budak [remaja] sekarang pun ada buat. Ada anak muda sekarang ni [ini] yang mana minat betul-betul sangkar ini dia [orang yang ingin belajar] “daripada aku beli, baik aku buat sendiri”. Kayu pun kata orang senang, tak [tidak] payah [susah] kayu

jati, kayu biasa pun boleh. Beli papan anu [barang] tu [itu] sekeping tu [itu] kita boleh buat. Atuk [Datuk] buat semua gitu [seperti itu] lah.

BA: Ada lagi soalan daripada saya, atuk [datuk] rasa lah kan, apa kenangan yang paling terindah sepanjang atuk [datuk] membuat sangkar burung ini?

MT: Kenangan [sedang berfikir].

BA: Macam atuk [datuk] rasa *best* [menyeronokkan], mesti, mesti ada.

MT: Yang *best* [menyeronokkan] bila kita buat, buat, orang amik itu yang kita rasa gembira lah. Bila orang beli, orang amik [ambil] dekat kita, macam dulu [dahulu] zaman dulu [dahulu] saya buat. Orang kedai tak nak [tidak mahu] amik [ambil], semua kengkawan [rakan-rakan] yang datang.

BA: Ramai-ramai lah?

MT: Ramai, Tengku Bakar [Saudara kepada Sultan Johor].

BA: Tengku Bakar?

MT: Tengku Bendahara.

BA: Tengku Bakar yang anak–

MT: Ini Tengku Bakar, Sultan Johor punya sedara-mara tu [itu] Tengku Bendahara, Sultan Johor punya adik.

BA: Dia datang? Dia datang untuk tengok atuk [datuk] punya ni [sangkar burung]?

MT: Dia [Tengku Bakar] datang sini, dia [Tengku Bakar] tak tengok. Dia [Tengku Bakar] suruh orang lain tapi [tetapi] dia hendak benda alah itu [sangkar burung yang dijual oleh Encik Mohd]. Daripada–,tapi [tetapi] dia bukan, dia yang datang, wakil dia yang datang. Tapi [Tetapi] wakil dia datang ada susah sikit, wakil. Tapi [tetapi] kita *direct* [terus] jumpa

tuanku dekat [di] Road Auto [Pameran Jualan di Johor Bahru]. Itu *direct* [terus] dia jumpa.

BA: Oh ada jumpa juga?

MT: Ada jumpa. Tanya gini gini [begini], ha ini orang ini buat ini [Encik Mohd], “ini saya yang buat ini Tuanku”. Takpa-takpa [tidak mengapa] perlahan-lahan buat. Kalau macam awak yang datang, awak nak cepat je [sahaja].

BA: [Gelak]

MT: Itu je [sahaja]. Bukan lah kita nak [hendak] bangga pulak [pula] kata Sultan Johor datang ke apa semua. Tidak. Memang kita macam ini juga. Tinggal orang sekarang ini, kita mesti nak [hendak] – Orang tak [tidak] percaya lah kalau orang cakap kita macam apa. Orang tengok macam ini, mana ada Sultan Johor nak [mahukan].

BA: Ha [Ya], dia [masyarakat] tak tahu [tidak tahu] kan.

MT: Ha [Ya], dia [masyarakat] tak tahu. Dia [masyarakat] suruh buat macam ini sangkar.

BA: Tuan badan je lah [sahaja lah] tahu.

MT: Awak tahu? Awak ada tengok sangkar burung macam ini? Sangkar Jambul orang panggil [gelaran bagi jenis sangkar burung], Burung Jambul macam itu lah. Dia datang sini Tengku Bakar dengan merbok burung [jenis burung]. Ada sekali dia [Tengku Bakar] datang, dia [Tengku Bakar] datang sendiri malam [datang ke rumah Encik Mohd]. Dia datang sana, dia hendakkan sangkar. Dulu [Dahulu] atuk [datuk] buat semua, bedal [membuat sangkar dalam kuantiti yang banyak] je semua.

BA: Okay [Baik] itu sahaja dari saya. Terima kasih.

MT: Sama-sama.

Demikian tadi wawancara mengenai pengalaman Encik Mohd Bin Taha sebagai Pembuat sangkar burung tradisional. Saya bagi pihak Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM, mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas kesudian Encik Mohd Bin Taha, dalam memberikan maklumat dan berkongsi pengalaman. Semoga hasil rakaman ini akan memberikan manfaat kepada pendengar dan penyelidik serta seterusnya generasi akan datang. Saya sudahi rakaman ini dengan ucapan ribuan terima kasih.

DAPATAN KAJIAN

5.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperolehi selepas menjalankan temubual bersama Encik Mohd Bin Taha telah menunjukkan bahawa beliau menceburi bidang ini hasil daripada minat pada dirinya sendiri. Kemahiran pembuatan sangkar burung ini dipelajari melalui pemerhatian dan latihan secara berterusan sehingga menjadi pakar. Kemahiran yang ada pada diri Encik Mohd Bin Taha telah menjadikan beliau seorang yang sentiasa memupuk minat dan bertanggungjawab untuk meneruskan aktiviti kesenian kraf tradisional sebagai sebahagian daripada kehidupan sehariannya.

Selain itu, dapatan kajian memperolehi proses pembuatan sangkar burung tradisional melibatkan beberapa aspek yang perlu dititikberatkan yang dimulai dengan pemilihan bahan mentah yang diperlukan seperti rotan, kawat, tembaga, keluli dan kayu jati, pembentukan rangka dan lakaran, teknik penganyaman serta kerja kemasan yang perlu ditelitikan. Setiap bahan mentah yang digunakan masih mempunyai kualiti dan ketahanan yang kukuh sehingga kini. Akan tetapi, Encik Mohd telah menghadapi beberapa cabaran seperti peningkatan harga bahan mentah yang semakin meningkat menyebabkan kesukaran pada dirinya.

Walaupun Encik Mohd berhadapan dengan beberapa isu, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa beliau tetap masih mengekalkan pembuatan sangkar burung tradisional kerana warisan dan nilai budaya yang masih ada pada pembuatan sangkar tersebut. Beliau juga berharap bahawa setiap pembuatan sangkar burung itu perlulah diminati secara semula jadi dan tanpa paksaan supaya rekaan bentuk pada sangkar tersebut dapat dihasilkan dengan penuh ketekunan dan kekemasan.

RALAT

6.0 RALAT

Semasa temubual yang dijalankan bersama Encik Mohd Bin Taha di Kampung Kurnia, Johor Bahru. Terdapat beberapa bunyi gangguan yang dikenal pasti dan tidak dapat dielakkan ketika rakaman temubual sedang berlangsung, antaranya ialah:

- i. Bunyi bayi menangis
- ii. Batuk
- iii. Bunyi pergerakan kerusi
- iv. Bunyi suara
- v. Bunyi barang jatuh
- vi. Bunyi kanak-kanak bermain
- vii. Bunyi suara bayi

LOG TEMUBUAL

7.0 LOG TEMUBUAL

Berikut adalah ringkasan temubual bersama Encik Mohd Bin Taha mengenai pengalaman beliau sebagai pembuatan sangkar burung tradisional.

MINIT	AKTIVITI	CATATAN
00:00: - 01:10	BIODATA Nama dan nama gelaran Umur beliau Alamat tempat tinggal	<ul style="list-style-type: none">• Nama beliau ialah Mohd Bin Taha• Nama gelaran beliau ialah Pak Hassan• Umur beliau ialah 74 tahun, lahir pada tahun 1951• Tinggal di Kampung Kurnia, Kebun Teh, No 34, Jalan Kurniawati, Kampung Kurnia. Johor Bharu.
01:18 - 01:33	TAHUN TERLIBAT Jumlah tahun terlibat dalam pembuatan sangkar burung tradisional.	<ul style="list-style-type: none">• 76 tahun
01:35 - 03:04	FAKTOR MENDORONG MENJADI PENGUSAHA SANGKAR Faktor mendorong Encik Mohd dalam menjadi pengusaha pembuatan sangkar burung	<ul style="list-style-type: none">• Diri sendiri

	tradisional.	
03:05 - 03:28	<p>BAHAN UNTUK MENHASILKAN SANGKAR BURUNG</p> <p>Senarai bahan yang digunakan untuk menghasilkan sangkar burung.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Rotan • Rotan kasar • Rotan anyam • Kawat • Tembaga • Keluli • Kayu Jati
03:47 - 04:30	<p>KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI</p> <p>Kemahiran dalam pembuatan sangkar burung.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merupakan minat daripada diri sendiri
04:40 - 05:30	<p>REKAAN SANGKAR BURUNG</p> <p>Rekaan bagi setiap jenis sangkar burung.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengikut kehendak dan cita rasa bagi setiap pelanggan.
05:32 - 05:55	<p>TEMPOH MASA YANG DIPERLUKAN</p> <p>Masa yang diperlukan untuk menghasilkan sangkar burung.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sangkar dapat disiapkan sebanyak 2 sahaja dalam 1 hari.
05:56 - 06:55	<p>JEMPUTAN UNTUK MEMPAMERKAN SANGKAR</p> <p>Jemputan ke pameran atau organisasi untuk mempamerkan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada • Tidak mencukupi tenaga kerja

	sangkar burung.	
07:00 - 07:30	<p>JEMPUTAN DARIPADA PIHAK KRAF TANGAN</p> <p>Jemputan daripada pihak kraftangan Johor bagi mempromosikan sangkar yang dihasilkan.</p> <p>Mendapat tawaran daripada pihak kraftangan Johor.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mempamerkan sangkar yang dihasilkan. • Tidak menerima tawaran yang ditawarkan daripada pihak Kraftangan Johor. • Mempunyai kerja sambilan yang lain.
08:34 - 09:21	<p>KESUSAHAN DALAM MENDAPATKAN BAHAN MENTAH</p> <p>Mencari bahan mentah yang diperlukan untuk menghasilkan sangkar burung.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pada masa kini, kayu jati susah untuk didapatkan • Zaman dahulu, mudah didapati.
09:23 - 10:18	<p>HARGA BAHAN MENTAH DAN CARA MENDAPATKANNYA</p> <p>Harga bahan mentah yang digunakan bagi penghasilan sangkar burung tradisional serta bagaimana untuk dapatkannya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • RM 50 hingga RM 60 bagi setiap satu kaki ukiran kayu. • Rotan seberat 1kg berharga RM 52.
10:36 - 10: 56	<p>CABARAN DALAM PROSES PEMBUATAN SANGKAR BURUNG</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada cabaran • Mudah dihasilkan kerana memerlukan rangka untuk menganyam.

12:12 - 13:00	TEKNIK DAN KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN	<ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan kekemasan dalam menghasilkannya.
13:32 - 14:58	PERUBAHAN MINAT MASYARAKAT Perubahan bagi setiap masyarakat terhadap sangkar burung tradisional pada masa kini.	<ul style="list-style-type: none"> • Masih terdapat masyarakat yang minat. • Pelanggan dari Kuala Lumpur serta Johor Bahru masih membeli sangkar burung daripada Encik Mohd.
15:55 - 16:50	KEPENTINGAN SENI PEMBUATAN SANGKAR BURUNG	<ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa menjaga kualiti setiap sangkar. • Membuat perbandingan sangkar yang berkualiti dan tidak berkualiti.
16: 52 - 17:34	SIMBOLIK YANG BERNILAI PADA SANGKAR BURUNG	<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai bentuk dan rekaan pada setiap jenis sangkar iaitu, sangkar pikat, sangkar labu, sangkar pikat kocek.
17:42 - 18:30	PENGENALAN DAN PENGHARGAAN DARIPADA GENERASI MUDA PADA MASA KINI	<ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan remaja kini, membela serta menangkap burung. • Segelintir daripada mereka ingin belajar bersama Encik

		<p>Mohd.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pak Li Lut dan Pakcik Pudin merupakan pelajar yang pernah diajar oleh Encik Mohd bagi proses pembuatan sangkar burung.
19:33 - 20: 18	<p>LANGKAH MEMASTIKAN PEMBUATAN SANGKAR BURUNG TERUS DIKEKALKAN SEBAGAI WARISAN BUDAYA</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pembuatan sangkar burung perlulah diminati oleh seseorang tanpa paksaan. • Setiap proses pembuatan sangkar perlulah diingat dan difahami supaya mendapat penghasilan yang baik dan memuaskan.
20:20 - 20:58	<p>PANDANGAN PADA MASA AKAN DATANG BERKENAAN PEMBUATAN SANGKAR BURUNG</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap sangkar burung yang dihasilkan adalah daripada individu iaitu generasi muda yang mempunyai minatnya terhadap sangkar burung tradisional. • Setiap reka bentuk yang dihasilkan menjadikannya sebagai kepuasan kepada diri mereka yang menghasilkannya.
21:00 - 23:06	<p>KENANGAN YANG TIDAK DAPAT DILUPAKAN SEPANJANG MENJADI PENGUSAHA</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap sangkar yang dijual kepada pembeli menggembirakan Encik Mohd

	SANGKAR BURUNG	<p>kerana keikhlasan, ketekunan dan usaha daripada dirinya sendiri untuk menghasilkan sangkar yang berkualiti.</p> <ul style="list-style-type: none">• Sangkar burung telah dibeli oleh ahli keluarga Sultan Johor iaitu saudaranya.
--	-----------------------	--

INDEKS

8.0 INDEKS

A

Anyaman 15 ,31, 34

G

Generasi muda 37

J

Johor Bahru 25, 39

K

Kayu jati 30,32,39

Kesenian 38

Kraftangan 29

Kuala Lumpur 34, 36

P

Pelanggan 34, 35, 36,

Pekan Nenas 29, 30, 31, 35

Pulau Pinang 26

R

Racik 27, 34, 35,

Rotan 23, 27, 31, 34,

S

Sangkar Burung 25, 26, 27, 28,
29, 30, 31, 32, 33, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41

Sejarah lisan 26

Sangkar pikat 27, 36, 37

T

Tekun 26, 28

W

Warisan 28, 36

RUJUKAN

9.0 RUJUKAN

- Haniffa, M. A., Saidon, M. K., Bahador, Z., & Saat, I. (2024). Keterangan lisan dan banding silang: Penelitian terhadap sumber sejarah konflik etnik Melayu-Cina, 1945-1955. *Munsiy Jurnal Pengajian Sejarah*, 2(2), 1-15. <https://doi.org/10.37134/munsiy.vol2.2.1.2024>
- Izani Mat Il, M. Hum., & Abdul Rahman, M. B. (2022). *Pendidikan serta kemahiran ukiran kayu tradisional Melayu: Nilai ekspresi dan makna*. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 10(1), 52–61. <https://doi.org/10.47252/teniat.v10i1.824>
- Kamaruddin, Z. (2020). Sustainability of Malay traditional craft and craftsmanship as cultural heritage in Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. *Journal of Architecture, Planning and Construction Management*, 3(1), 1–10.
- Kraftangan Malaysia. (2013). *Informasi Kraf Malaysia*. Kraftangan Malaysia.
- Mahani Musa. 2018. Membina semula masa lalu melalui sejarah lisan: Pengalaman Malaysia. *KEMANUSIAAN Jurnal Kemanusiaan Asia* 25(1), 39–58, <https://doi.org/10.21315/kajh2018.25.s1.3>
- Nor Azlin Hamidon & Zuraini Md Ali. (2020). Seni buatan dan identiti budaya dalam kraf tradisional Malaysia. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 8(2), 45–54.

LAMPIRAN

10.0 Lampiran




UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

KURSUS IMR621 ORAL HISTORY AND DOCUMENTATION OF CULTURAL HERITAGE

Saya MOHD. BIN TAHA K/P. 510326-01-5211 pada
23/11/2025 (tarikh) dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di
antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada peserta temubual perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip tersebut.
3. Pihak Pusat Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh peserta temubual (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (naratif dari peserta temubual) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.


Nama peserta kajian: MOHD BIN TAHA
Tarikh: 23/11/2025

Pensyarah:
b.p. Ketua Pusat Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengkomputeran, Informatik &
Matematik, Universiti Teknologi MARA Shah
Alam.

ii. Senarai soalan

1. Jadi soalan pertama, boleh ke encik ceritakan tentang belakang diri encik?
2. seterusnya, sudah berapa tahun atuk jalankan pembuatan sangkar burung tradisional?
3. Dari mana datangnya minat untuk mula buat sangkar burung ini?
4. Bahan apa yang perlu digunakan untuk hasilkan sangkar burung? / (jenis kayu apa yang digunakan?)
5. Adakah kemahiran ini dipelajari daripada keluarga / melalui pengalaman sendiri?
6. Adakah encik pernah menghasilkan rekaan unik/ khas mengikut permintaan pelanggan?
7. Apakah jenis sangkar yang paling banyak mendapat permintaan berdasarkan pengalaman encik?
8. Berapa lama masa yang diperlukan untuk menghasilkan 1 sangkar?
9. Pernah kah sangkar burung nak dipamerkan di mana mana tempat/ organisasi?
10. Adakah bahan mentah tadi seperti jenis kayu, susah untuk didapati pada masa kini?
11. Untuk tahun 2025, ada kenaikan harga ke pada bahan mentah tadi itu?
12. Apakah bahagian yang paling sukar dalam proses pembuatan sangkar ini?
13. Apakah teknik atau kemahiran yang paling penting untuk menghasilkan sangkar berkualiti?
14. Pada pandangan encik, bagaimana perubahan minat masyarakat terhadap sangkar burung tradisional pada masa kini?
15. Adakah permintaan meningkat atau menurun sejak beberapa tahun ini?
16. Pada pandangan encik, apakah kepentingan seni pembuatan sangkar burung tradisional pada masa kini?
17. Apakah makna yang simbolik dalam pembuatan sangkar burung yg dianggap penting?
18. Adakah generasi muda masih mengenali atau menghargai seni pembuatan ini?
19. Apakah langkah yang perlu diambil untuk pastikan pembuatan sangkar ini terus kekal sebagai warisan budaya?
20. Bagaimana encik melihat masa depan seni pembuatan sangkar burung tradisional dalam 5–10 tahun akan datang?
21. apakah kenangan paling berharga sepanjang membuat sangkar?

iii. Diari penyelidikan

TARIKH	LOKASI	KATEGORI	PERBINCANGAN DAN TINDAKAN
7 Oktober 2025	Makmal Sejarah Lisan	Penjelasan	Pensyarah memberikan penjelasan mengenai projek yang perlu dijalankan serta menentukan ahli kumpulan
7 Oktober 2025	Makmal Sejarah Lisan	Perbincangan	Berbincang bersama ahli kumpulan mengenai isu dan objektif yang berkaitan.
14 Oktober 2025	Makmal Sejarah Lisan	Perbincangan	Berbincang bersama pensyarah berkenaan isu dan objektif yang telah dipilih.
14 Oktober 2025	Makmal Sejarah Lisan	Menyediakan jadual	Menyediakan jadual dan membahagikan tugas bersama ahli kumpulan untuk kertas kerja.
14 Oktober 2025	Kolej Jasmine	Perbincangan	Mencari dan memilih tokoh yang bersesuaian.
21 Oktober 2025	Kolej Jasmine	Berhubung	Berhubung bersama tokoh untuk bertanyakan kepada beliau untuk dijadikan sebagai tokoh.
21 Oktober 2025	Google	Pencarian maklumat	Mencari maklumat berkenaan dengan sangkar burung tradisional
3 November 2025	WhatsApp	Perbincangan	Berbincang bersama tokoh yang dipilih berkenaan tarikh dan masa temu bual yang

			bersesuaian.
4 November 2025	Google Documents	Penyediaan untuk soalan	Menyediakan soalan temu bual untuk ditanyakan kepada tokoh.
21 November 2025	Google Classroom	Kertas Kerja (<i>Proposal</i>)	Menghantar kertas kerja kepada pensyarah di platform Google Classroom.
22 November 2025	Kolej Jasmine	Persediaan	Melakukan persediaan bersama ahli kumpulan sebelum bertemu bersama tokoh untuk melakukan temu bual.
23 November 2025	Kampung Kurnia, Johor Bahru	Temu bual	Melakukan sesi temu bual bersama tokoh.
3 Disember 2025	Google Documents	Penulisan	Memulakan dengan penulisan semula berdasarkan audio yang dirakam sewaktu menjalankan temu bual bersama tokoh.
30 Disember 2025	Kolej Jasmine	Perbincangan	Membincangkan mengenai tajuk yang bersesuaian untuk transkrip bersama ahli kumpulan.
5 Januari 2026	Google Documents	Melengkapkan dan menyemak transkrip	Mula melengkapkan dan menyemak transkrip sebelum dicetak dan dihantar kepada pensyarah.

iv. Gambar







